

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS HARI KANAK-KANAK BAKTI
DI SRI PERDANA, PUTRAJAYA
PADA HARI KHAMIS, 29 JUN 2000
JAM 3.30 PETANG**

Pertamanya, saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya BAKTI dapat menganjurkan Hari Kanak-Kanak yang pertama dalam alaf bam. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada semua para hadirin terutama kanak-kanak dari Rumah Kebajikan di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan ke Seri Perdana, Putrajaya. Ini sudah tentunya merupakan awatan yang pertama bagi kanak-kanak tersebut di kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para penaja Hari Kanak-Kanak anjuran BAKTI serta pegawai-pegawai Kerajaan yang turut serta kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kami petang ini.

2. Syukur Alhamdulillah pada petang ini kita berpeluang meraikan kira-kira 250 kanak-kanak istimewa dan anak-anak yatim dan kurang bernasib baik daripada 14 Rumah Kebajikan di Wilayah Persekutuan dan Selangor serta murid-murid kelas khas, Sekolah bandar Sunway. Bagi kita di BAKTI tidak ada sesuatu yang lebih memberi kepuasan daripada memberi sumbangan dan melaksanakan tanggungjawab terhadap golongan yang memerlukan dan kurang bernasib baik. Sesungguhnya pada sepanjang tahun kewangan 1999/2000 BAKTI telah membelanjakan RM4 juta untuk program-program kebajikan di samping memberi dermasiswa kepada anak-anak miskin serta membantu mangsa kebakaran rumah dan bencana alam lain. Kita boleh berbangga kerana sedikit sebanyak telah dapat mengubah hidup sebahagian daripada mereka yang telah kita bantu. Ada keluarga miskin dan ibu tunggal yang kini mampu berdikari. Ada anak yatim dan pelajar miskin yang menerima bantuan Dermasiswa BAKTI dan telah berjaya melanjutkan

pendidikan mereka ke kolej dan universiti. Sebilangan besar orang cacat dan sakit telah menerima bantuan rawatan dan peralatan khas daripada BAKTI. BAKTI juga telah menyumbang peralatan perubatan kepada Hospital-hospital di seluruh negara. Ramai lagi institusi-institusi berkaitan kebajikan sosial dan pemulihan orang-orang cacat telah menerima bantuan BAKTI.

3. Han Kanak-kanak anjuran BAKTI merupakan satu kegiatan utama yang BAKTI melaksanakan setiap tahun. Di majlis ini kita berkongsi kegembiraan dengan kanak-kanak sebagai menunjukkan keprihatinan kita terhadap kebajikan dan apa yang berlaku kepada mereka. Mereka tidak kita lupai, malah hak dan kepentingan mereka mesti kita pertahankan. Apatah lagi, Ahli-ahli BAKTI adalah wanita dan ibu - kita amat tahu dan menjiwai perasaan kanak-kanak yang memerlukan pembelaan dan kasih sayang.

4. Sebenarnya, setiap kanak-kanak dilahirkan dengan keistimewaan dan potensi tersendiri, samada mereka yatim, cacat atau miskin. Mereka juga mampu cemerlang dan berjaya dalam hidup atau bidang tertentu jika dibimbing dengan betul dan diberi peluang sewajarnya. Sebagai contoh, ramai daripada kalangan anak-anak yatim yang kini berjaya rnelanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah teknik dan Iain-lain kerana mendapat bimbingan dan didikan yang baik. Oleh itu, kita terutama ibu bapa - jangan putus harapan dan teruslah membimbing dan membantu kanak-kanak istimewa ini untuk pastikan kejayaan mereka. Mudah-mudahan mereka membesar dan kreatif, inovatif, berketrampilan serta mampu berdikari dan taat kepada keluarga, negara dan agama.

5. Di BAKTI kita menunggu siapnya pembinaan Kompleks Penyayang BAKTI di Sungai Buloh, Selangor tidak beberapa lama lagi. Insya-Allah dengan selesainya pembinaan Kompleks ini pada bulan Ogos nanti, BAKTI akan dapat memberi bantuan khusus kepada golongan-golongan tertentu yang memerlukan pembelaan termasuk kanak-kanak yatim. warga tua dan ibu tunggal.

6. Saya mengambil kesernpatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penaja Hari Kanak-Kanak BAKTI tahun ini. Saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada Sony (Malaysia) , Brisdaie Holdings, Kumpulan Jetson, L&M Corporation, Television Airtime Services Sdn Bhd, Huaren Foundation, Mahkota Technologies, ACE Canning Corporation, LGB Engineering, Schwan Stabilo, Pustaka Zaman, Nestle, KFC Holdings dan Carcosa Seri Negara atas sumbangan dan sokongan mereka. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kanak-kanak Golden Kids News dan Scenario atas penglibatan mereka dalam acara hiburan dan persembahan kali ini. Saya ucapkan terima kasih juga kepada pihak RTM dan TV3. Kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan dan Selangor juga dihargai. Tidak lupa saudara-saudari ahli BAKTI yang menyumbang tenaga untuk majlis ini. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati usaha-usaha murni kita semua.
